


Lampiran 3: STRUKTUR ORGANISASI KEMENTERIAN PERTAHANAN



Lampiran4: Senarai Pegawai Memerintah

BIL	NAMA	TARIKH	
		MULA	AKHIR
	a. 21 RAMD (Lama)		
1.	Lt Kol Mohd Nawawi bin Hj Yusof (12215)	1 Apr 1978	9 Apr 1980
2.	Lt Kol Jusoh bin Daud (12347)	10 Apr 1980	12 Jun 1981
3.	Lt Kol Hashim bin Abd Karim (12422)	13 Jun 1981	31 Dis 1982
	b. 28 RAMD		
1.	Lt Kol Nik Zainin bin Nik Abdul Rahman (12372)	16 Dis 1980	31 Dis 1982
2.	Lt Kol Mohd Radzi bin Hj Ahmad (410099)	1 Jan 1983	Pertukaran designasi menjadi 21 RAMD
	c. 21 RAMD (Baru)		
1.	Lt Kol Mohd Radzi bin Hj Ahmad (410099)		
2.	Lt Kol Ahmad Khairi bin Abd Karim (410212)	1 Jan 1983	26 Apr 1985
3.	Lt Kol Abdul Ghafir bin Abdul Hamid (410310)	27 Apr 1985	16 Jul 1988
4.	Lt Kol Abd Mohd Sapari bin Abdul Hamid (410310)	17 Jul 1988	13 Ogos 1989
5.	Lt Kol Rahman bin Dato` Baginda (410520)	25 Ogos 1989	14 Nov 1989
6.	Lt Kol Mat Yasin bin Mat Daud (4107754)	29 Mac 1990	9 Ogos 1992
7.	Lt Kol Yahya bin Ibrahim (411581)	10 Ogos 1992	26 Apr 1994
8.	Lt Kol Zakaria bin Borhan (3000576)	27 Apr 1994	31 Okt 1995
9.	Lt Kol Azman bin Hj Mat Salleh (3000024)	1 Nov 1995	30 Okt 1997
10.	Lt Kol Hj Mohd Nasir bin Abdul Rahman (3000227)	1 Nov 1997	26 Feb 2000
11.	Lt Kol Ismail bin Hj Atan (3001868)	7 Feb 2000	5 Mac 2001
12.	Lt Kol Nazari bin Abd Hadi (3002601)	6 Mac 2001	21 Jan 2003
13.	Lt Kol Ismail bin Hj Adam (411953)	22 Jan 2003	20 Ogos 2004

14.	Lt Kol Abdul Halim bin Hj Ismail (3003508)	21 Ogos 2004	15 Apr 2006
15.	Lt Kol Romainor b Mohamed	17 Apr 2008	16 Apr 2008
16.	Lt Kol Marzuki bin Mokhtar	17 Mei 2009	16 Mei 2009 Sekarang

Lampiran 5: Senarai Sarjan Mejar Rejimen (SMR)

BIL	NAMA	TARIKH	
		MULA	AKHIR
	a. 21 RAMD (Lama)		
	<u>28 RAMD</u>		
1.	14339 PW I Mohd Shaffi b Md Kun	1 Jun 1980	1 Jan 1982
2.	15715 PW I Mokhtar bin Jantan	2 Jan 1982	31 Dis 1982
	<u>21 RAMD (Baru)</u>		
1.	15715 PW I Mokhtar bin Jantan	1 Jan 1983	15 Jul 1983
2.	1029090 PW I Yusof bin Hj Danian	16 Jul 1983	7 Ogos 1985
3.	19275 PW I Mohamad bin Abd Latif	8 Ogos 1985	19 Sep 1987
4.	23281 PW I Jaafar bin Md Taib	20 Sep 1987	10 Sep 1989
5.	24567 PW I Thalib bin Idris	11 Sep 1989	4 Feb 1992
6.	55872 PW I Yazam bin Hj Md Sham	8 Jul 1992	18 Jul 1994
7.	1016428 PW I Roslan bin Daud	19 Jul 1994	18 Ogos 1995
8.	1016504 PW I Hashim bin Kamaruddin	19 Ogos 1995	30 Jun 1997
9.	1023655 PW I Mohd Ayob bin Zainal	1 Jul 1997	24 Sep 1998
10.	1046417 PW I Md Noor bin Bakar	25 Sep 1998	1 Sep 1999
11.	1035365 PW I Mazlan bin Ibrahim	2 Sep 1999	23 Nov 2001

12.	1089615 PW I Hamzah bin Dolmat	24 Mei 2001	12 Sep 2002
13.	1069009 PW I Radzuan bin Abd Rahman	13 Sep 2002	31 Dis 2004
14.	1068364 PW I Asri bin Mat Arshad	1 Jan 2005	13 Jul 2007
15.	1070667 PW I Amirun bin A. Mohidi	14 Jul 2007	Sekarang

Lampiran 6: Penglibatan Operasi/Latihan/Eksesais

BIL	OPERASI	TARIKH	
		MULA	HINGGA
1.	Op KHAS 304, Bukit Kayu Hitam	2 Jun 2000	7 Jul 2000
2.	Op KOTA BRAVO/CHARLIE/DELTA 5/2000, Gubir	5 Nov 2000	8 Jan 2001
3.	Op MERPATI 4/2002	1 Jul 2002	6 Sep 2002

Latihan/Eksesais

BIL	LATIHAN/EKSES AIS	TARIKH	
		MULA	HINGGA
1.	Kem Kemahiran Senjata, Gurun, Kedah	5 Apr 2000	14 Apr 2000
2.	EGT 3/2000, Pantai Sabak, Kelantan	23 Mei 2000	28 Mei 2001
3.	EK SATTRIA GAGAH 2/2000, Kem Desa Pahlawan	10 Ogos 2000	16 Ogos 2000
4.	Kem Kemahiran Senjata, Gurun, Kedah	11 Mac 2001	17 Mac 2001
5.	EK Gonzales Tempatan, Kuala Krai	9 Mei 2001	16 Mei 2001
6.	EK PAHLAWAN 2/2002	14 Okt 2002	25 kt 2002

Lampiran 7: Lagu Pasukan

Tajuk Lagu: **WIRA 21**

Dua Puluh Satu

Askar Melayu DiRaja

Beranggota Gagah Perkasa

Sedia Berkoban Jiwa dan Raga

Berjuang Sebilang Masa

Demi Agama, Raja dan Negara

Keris Bersilang Sendi Mahkota

Lambang Rejimen Askar Melayu DiRaja

Dengan Setia Berani Cogan Kata

Semadi Menekad Semangat Wira

Semangat Gigih Wira Perkasa

Yang Bersemarak Dalam Dada

Akan Bertambah Menyala-nyala

Jika terancamnya Agama, Raja dan Negara

Tidak Kira Dari Mana Dari Siapa Jua

Menjunjung Semua Tunai Sumpah

Dua Puluh Satu

Askar Melayu DiRaja

Beranggota Gagah Perkasa

Sedia Berkorban Jiwa dan Raga

Berjuang Sebilang Masa

Demi Agama Raja dan Negara

Tajuk Lagu: **SETIA BERANI**

Setia Berani

Cogankata Kami

Pahlawan Dua Puluh Satu Melayu

Ayuh Mara Kita Terus Maju

Kamilah Pejuang

Penuh Taat Setia

Relakan Kami Pergi Berjuang

Tak Melayu Hilang Di Dunia

Ayuh Mara.....Ayuh Maju.....

Tidak Kira Siapa lawanmu

Taat Setia Pantang Undur

Kibarkan Panji Semangatmu

Setia Berani

Itu Janji Kami

Doakan Agar Kami Berjaya

Untuk Agama Bangsa dan Negara

Ayuh Mara.....Ayuh Maju.....

Tidak Kira Siapa lawanmu

SAJAK SEMPENA UPACARA PENGANUGERAHAN PANJI-PANJI REJIMEN

Tanggal 21 Januari 1978

Kita Hamparkan Sejadah Perjuangan di Bumi Tuhan

Lalu Terus Sujud Dan Bertafakur

Pastinya. Tarikh Keramat Itu Akan Datang lagi

Menjenguk Rumah Kita Yang Tak Pernah Berkunci

Membawa Bersama Seksa Perjuangan yang Panjang

Dari Dua Gumpal Semangat 28 dan 21, Kita Di Adun Menjadi Satu

Diadun Penuh Kesempurnaan, Dengan Darah Dititis Mengikut Tuntut Keimanan

Pagi ini, Ketika Fajar Menyingsing, Doa Dan Harapan Pun Menguntum

Bersama Panji-Panji Yang Dikurniakan

Panji-Panji Adalah Permata Kita, Mutiara Kita

Panji-Panji Adalah lambang Perjuangan Dan Pengorbanan

Pahlawan Demi Pahlawan berjuang, Menjunjung Kemuliaan Daulat Tuanku

Semaraklah Gelora Semangat, Menyambut Amanat Dan Sumpah Keramat Setia Berani

Baranya Terasa Di Darat, Laut dan Udara

Hari Ini Genaplah Dua Puluh Dua Tahun

Dan Kita Telahpun Dewasa, Rimba Berduri Telah Kita Tempuhi

Nafas Kedewasaan Telah Terhimpun Untuk Bersama Kita Cicip dan Kecapi

Mari Kita Genggam Cahaya Mentari Selepas Mengaminkan Doa

Dan Bingkas Menyiapkan Barisan Para Pengawal, Di Tengah-Tengah Padang
Perjuangan

Lalu Mengungkap Makna Pahlawan Setia Berani

Pastinya Kedewasaan mematangkan Kita Dan Perjuangan Ini Telah Membebaskan
Kita

Bebas-Bebaskan Segala, Bebaskan Segala Derita

Bebas, Bebaskan segala, Bebaskan Segala Sengsara

Bebas, Bebaskan Segala, Bebaskan Segala Airmata

Bebas, Bebaskan Segala, Bebaskan Segala Kesongsangan

Pahlawan Setia Berani, Esok

Usah Kita Songsangkan Arah Awan

Usah Kita Pertunangkan Keris Dan Cemati

Usah Kita Hisap Susu Sedih Seorang Ibu

Usah Kita Tanya Berapakah Upahnya Perjuangan Ini

Kerana, Jika Kita Songsangkan Arah Awan

Jika Kita Pertunangkan Keris Dan Cemati

Jika Kita Hisap Susu Sedih Seorang Ibu

Jika Kita Tanya Berapakah Upahnya

Jika Kita Tanya Semua Ini, Jika Kita Tanya Semua Ini

Kita Akan Menjadi Sebuah Bangsa Yang Kecewa

Mari Kita Cium Bau Hanyir Darah Di Pulau Tambisan

Ketika Dingin Subuh 01 September 1993, Menggigit Sum-Sum Alam

Pahlawan Setia Berani, Suhaidi, Razak, Azim, Norlizan, Kamaruddin Mengintip
Serigala

Serigala Dengan Bisa Kuku Dan Taring

Sentiasa Menghendap Untuk Memamah Daging Dan tulang Kita

Bangkit Suhaidi Dengan Keyakinan

Bangkit Razak Dengan Kecekalan

Bangkit Azim Dengan Kehandalan

Bangkit Segala Wira, Bangkit

Bangkit Pahlawanku, Memaknakan Kesetiaan

Berbadai Di Jiwa, Berduri Di Mata

Kesetiaan Kita Adalah Keringat, Air Mata Dan Nyawa

Bukan Untuk Sebutir Bintang atau Nama yang Mahu Dikenang

Kesetiaan Kita Membelah Angkasa, melampaui Bukit Dan Gunung Ganang

Mara Bersama Doa Dan sumpah Setia Berani

Sesekali Bangkit Pahlawan Setia Berani

Tekadnya Begitu Kukuh, Membina Peribadi Bangsa

Pahlawan Setia Berani

Disebalik Kibaran Panji-Panji Ini Ada Tugas Baru Menanti

Bumi Yang Kita Pijak Ini Adalah Anugerah Tuhan, Yang Harus Dipertahankan

Walaupun Segenggam

Hari Ini Kita Siapkan Pahlawan Dan Pejuang Kesatria

Kerana, 21 Melayu Adalah Lambang Bangsa

Bangsa Adalah Warga

Warga Adalah Kita

Kita Adalah Pahlawan.